

Samy Vellu, Tsu Koon bertikam lidah depan PM

NIBONGTEBAL 5 Sept. - Taklimat pelan pembangunan Batu Kawan dan Jambatan Kedua Pulau Pinang di sini menjadi gamat apabila Menteri Kerja Kaya, Datuk Seri S. Samy Vellu bertikam lidah dengan Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon mengenai pembinaan rangkaian jalan raya yang bakal dibina di kawasan itu.

Taklimat yang bertujuan memaklumkan kemajuan terkini mengenai rancangan tersebut kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu disampaikan oleh Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar.

Abdullah bersama pemimpin kerajaan diberi taklimat sebaik sahaja tiba di tapak pembinaan jambatan tersebut kira-kira pukul 5.25 petang.

Bagaimanapun semasa taklimat, Samy Vellu tiba-tiba mencelah bertanyakan beberapa soalan mengenai jajaran jalan raya jambatan dan rangkaian jalan raya yang beliau sifatkan tidak mencukupi.

"Mengikot pelah hanya ada satu jalan susur keluar dan itu langsung tidak mencukupi, sekurang-kurangnya jajaran jalan raya itu perlukan lima lagi jalan susur, keluar untuk penempatan moden seperti ini," katanya.

Tsu Koon yang juga Pengerusi PDC bagaimanapun berkata, jajaran tersebut belum dimuktamadkan lagi dan boleh diubah kemudian untuk disesuaikan dengan perbandaran Batu Kawan yang dijangka mempunyai 30,000 unit rumah.

Samy Vellu kemudian mempertikaikan bahawa tidak praktikal pembinaan jajaran tersebut dibuat secara berubah-ubah di kawasan penempatan moden dan terancang kerana ia boleh menyukarkan pembinaan rangkaian jalan raya, kelak.

"Kalau dibina 30,000 unit rumah maka sekurang-kurangnya ada 60,000 buah kereta di atas jalan raya," katanya.

Tsu Koon seterusnya memberi jaminan pelan jajaran berdekatan jambatan itu tidak akan berubah, namun setiap maklum



ABDULLAH disambut orang ramai sejurus merasmikan bangunan pejabat UMNO Bahagian Tanjung di George Town, Pulau Pinang, semalam.

- Gambar MOHD. NAIM AZIZ

balas daripada mana-mana pihak akan diambil kira bagi mewujudkan rangkaian jalan raya di kawasan penempatan di Batu Kawan termasuk jalan susur keluar dari kawasan itu ke kawasan sekitarnya seperti Simpang Ampat dan Juru.

Tsu Koon turut menjelaskan kemungkinan akan dibina jalan lingkar luar di Batu Kawan bagi menampung keperluan

pengguna jalan raya.

Kemudian, sambil merujuk kepada pelan itu Samy Vellu berkata: "Mana ada jalan lingkar luar, jangan cakap pasal jalan lingkar luar, saya tahu apa itu lingkar luar," katanya dengan meninggikan suara.

Pada tahap ini Perdana Menteri mentente-ramkan keadaan dengan meminta semua pihak bertenang dan keadaan kembali normal

Abdullah meluangkan masa kira-kira 30 minit mendengar taklimat tersebut dan kemudian melawat pejabat syarikat pemaju kawasan itu, Abad Naluri Sdn. Bhd.

Pembangunan kawasan Batu Kawan yang melibatkan kawasan seluas 1,600 hektar bakal menerima kesah langsung daripada pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang.